



**YANG Dipertua Astaka Sabah, Sahran Untai (lima dari kanan) bersama pemenang dalam Kejohanan Sepak Takraw UMS, Kota Kinabalu, Sabah, baru-baru ini.**

# Papar A juara Kejohanan Sepak Takraw UMS

um 56 2013 26

KOTA KINABALU 4 Jun - Regu Papar A muncul juara Kejohanan Sepak Takraw Universiti Malaysia Sabah (UMS) baru-baru ini selepas berjaya menewaskan pasukan Brunei 88 B dengan 15-12, 9-15 dan 9-15.

Dengan kemenangan itu, pasukan Papar A meraih hadiah wang tunai RM1,000 dan piala manakala pasukan Brunei 88 B pula memenangi RM600 selaku naib johan.

Pasukan Kota Belud A dan Sahabat Masjid Nabawan masing-masing di tempat ketiga sekali gus membawa pulang RM300 dan piala.

Sementara itu, tekong pasukan Papar A, Rozmie Mat Yassin yang memperamerkan aksi cemerlang sepanjang kejohanan dipilih Pemain Terbaik sekali gus menerima wang tunai RM100 serta piala.

Kejohanan Sepak Takraw

Universiti Malaysian Sabah (UMS) 2013 berlangsung dengan jayanya di bawah kendalian Kelab Sepak Takraw UMS yang berlangsung selama tiga hari baru-baru ini.

Pengarah Kejohanan, Shariff Md. Idris Md. Sani berkata, kejohanan itu merupakan projek berterusan Kelab Sepak Takraw UMS di bawah bimbingan Pegawai Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEP), Ahirunnisham Ahmad khususnya dalam usaha mempopularkan sukan sepak takraw di Sabah.

Katanya, sebanyak 30 pasukan termasuk dua regu dari Brunei mengambil bahagian dalam kejohanan yang berlangsung di Dewan Kuliah Perdana A1, UMS.

Kejohanan itu dirasmikan Presiden Persatuan Sepak Takraw Sabah (Astaka), Datuk Awang Sham Amit.

Yang turut hadir, Pengarah Pusat Sukan UMS, Mohd. Asyraf Fong Abdullah.

Dalam ucapannya, Awang Sham memuji inisiatif UMS menganjurkan kejohanan tersebut yang berjaya menarik minat pasukan-pasukan handalan tempatan dan luar negara.

Beliau yakin usaha UMS itu mampu meningkatkan populariti sukan tersebut di negeri ini sekali gus membolehkan Sabah melahirkan atlet sepak takraw terbilang pada masa depan.

“Apatah lagi UMS selaku institusi pengajian tinggi awam (IPTA) ulung di negeri ini mampu menjadi pemangkin utama kepada IPTA dan IPTS lain dalam menyemarakkan sukan tradisi ini bukan sahaja dalam kalangan penuntut bahkan semua peringkat umur di negeri ini,” katanya.